

01 SEP 1996

DR MAHATHIR BERLEPAS KE KUALA LUMPUR

TAWAU, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengakhiri lawatan tiga hari ke Labuan dan Sabah hari ini, kembali ke Kuala Lumpur dengan jet eksekutif dari Lapangan Terbang Tawau di sini.

Terdahulu itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang tiba di sini dari Lembah Danum, menghadiri jamuan tengah hari bersama-sama pemimpin Barisan Nasional Tawau yang diberikan oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Ghapur Salleh.

Yang turut hadir pada jamuan itu ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan isterinya Datin Stella yang turut mengiringi Perdana Menteri dalam lawatannya ke Lembah Danum.

Semalam, Dr Mahathir diberikan taklimat oleh Penasihat Korporat Kumpulan Yayasan Sabah Tengku Datuk Zainal Adlin berhubung langkah pemuliharaan lembah itu oleh Pusat Penyelidikan Luar Lembah Danum (DVFC).

Beliau kemudian bersiar-siar di kawasan hutan semulajadi Lembah Danum termasuk di atas jambatan kanopi, memancing dan melihat haiwan liar pada sebelah malam di sekitar pusat peranginan Borneo Rainforest Lodge.

Pagi tadi, beliau bersiar-siar di sekitar kawasan DVFC dan menanam pokok jati di situ manakala Siti Hasmah pula menanam pokok sukun.

-- BERNAMA

KG AKD